

04 MAR 2001

Ong-Pemaju

PEMAJU PERUMAHAN YANG INKAR AKAN DIAMBIL TINDAKAN

PUTRAJAYA, 4 Mac (Bernama) -- Pemaju perumahan yang gagal menepati syarat dan garis panduan yang ditetapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan dikenakan tindakan sewajarnya dengan apa yang mereka dilakukan.

Menteri berkenaan Datuk Seri Ong Ka Ting hari ini berkata kerajaan kini mengambil perhatian serius dan akan memastikan pemaju perumahan pada masa akan datang tidak lagi meratakan tanah dan menebang pokok dengan sewenang-wenangnya.

"Ada garis panduan yang telah ditetapkan kepada pemaju supaya menepati prinsip yang telah dikenakan kerajaan kerana ia sangat penting untuk memelihara alam semula jadi," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Hari Lanskap Negara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Beliau mengulas saranan Dr Mahathir ketika merasmikan hari tersebut yang menyebut pelan pembangunan topografi kawasan pembangunan perlu di ambil perhatian dan arah pengaliran air hujan hendaklah ditentukan sebelum sesuatu kawasan dibangunkan.

Ong berkata kementerian juga mensyaratkan pemaju mengasingkan sebuah kawasan simpanan hijau memadai dengan saiz kawasan perumahan berkenaan bertujuan untuk mempererat konsep kejiranan.

Katanya, ada beberapa hukuman yang boleh diambil kepada mereka yang melanggar suyarat berkenaan termasuk menggunakan Akta Perancangan Bandar dan Desa dan undang-undang kecil yang lain.

"Tindakan kena diambil berdasarkan apa kesalahan yang dibuat, kita tidak akan mengambil jalan mudah dengan menyenaraihitam pemaju," katanya.

Beliau berkata tindakan yang sebaiknya ialah dengan meningkatkan kesedaran kepada pemaju dan memberi mereka (pemaju) sokongan dan kerjasama yang baik.

Terdahulu, dalam ucapannya Ong berkata sebanyak 3,000,298 pokok atau 100.1 peratus daripada sasaran tiga juta pokok ditanam sejak kempen menanam pokok dilancarkan pada 1997 hingga tahun 2000.

Selepas ini, Kementerian menetapkan sasaran sebanyak 3.5 juta pokok sehingga 2005, katanya.

-- BERNAMA

SHS AR ZB